



5 Mac 2013
5 March 2013
P.U. (A) 84

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH KOPERASI (PENGAMBILALIHAN KAWALAN)
(PENGgantian) (NO. 2) 2013

*CO-OPERATIVE SOCIETIES (ASSUMPTION OF CONTROL)
(REPLACEMENT) (NO. 2) ORDER 2013*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KOPERASI 1993

PERINTAH KOPERASI (PENGAMBILALIHAN KAWALAN) (PENGgantian) (NO. 2) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 69(3) Akta Koperasi 1993 [Akta 502], Suruhanjaya membuat perintah yang berikut :

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Koperasi (Pengambilalihan Kawalan) (Penggantian) (No. 2) 2013**.

Pengambilalihan kawalan

2. Suruhanjaya melantik Encik Zahir bin Dahari untuk mengambil alih kawalan semua harta, urusan, aktiviti dan hal ehwal Koperasi Kemajuan Tanah Negeri Johor Berhad dan perbadanan yang berkaitan dengannya dan menjalankan kesemua urusan, aktiviti dan hal ehwalnya mulai 1 Ogos 2012 bagi baki tempoh pengambilalihan kawalan sebagaimana yang ditetapkan di bawah Perintah Koperasi (Pengambilalihan Kawalan) 2012 [P.U. (A) 12/2012] selama tempoh yang tidak melebihi dua tahun dari 16 Januari 2012.

Kos dan perbelanjaan

3. Apa-apa kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Suruhanjaya berhubung dengan pengambilalihan kawalan di bawah perenggan 2 hendaklah kena dibayar daripada dana dan harta Koperasi Kemajuan Tanah Negeri Johor Berhad sebagai suatu caj yang pertama.

Pembatalan pelantikan

4. Pelantikan Nooh Bin Tokio yang disiarkan dalam P.U. (A) 12/2012 pada 1 Januari 2012 dibatalkan mulai 31 Julai 2012.